

**ANALISIS PERANAN DAN PERKHIDMATAN YANG DIMAINKAN OLEH  
JABATAN TENAGA RAKYAT BUTTERWORTH DALAM MEMBANTU  
MEMENUHI GUNATENAGA BAGI PERTUMBUHAN EKONOMI  
(KAJIAN KES DI SEBERANG PERAI)**

**NAZRIAH ABD KADIR  
ROZANA RAZALI**

**KAJIANINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
MEMPEROLEHI DIPLOMA  
PENTADBIRAN AWAM**

**KURSUS DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)  
CAWANGAN PERAK  
SRI MANJUNG  
PERAK**

**APRIL 2000**

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah yang Maha Agung dan Maha Luas RahmatNya di atas limpah kurnianya serta salawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Ribuan terima kasih dan penghargaan ingin kami ucapkan kepada En Mohd Fauzi bin Harun, penyelia dan pengerusi jawatankuasa pemeriksa kertas projek ini. Beliau telah membimbing dan memberi tunjuk ajar dengan sepenuh hati dalam penyediaan kertas projek ini. Komen, kritikan membina dan saranan beliau setelah membaca draf kertas projek ini amatlah berguna bagi kami.

Penghargaan juga di rakamkan kepada En. Jasmin bin Ismail, Pengurus Jabatan Tenaga Rakyat Cawangan Butterworth, Cik Salmah Bee binti Abdul Majid, Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat Pulau Pinang dan En. Md. Radi bin Abd. Ghani, Ketua Penolong Pengarah Pekerjaan (JTR) Kementerian Sumber Manusia Kuala Lumpur yang telah memberi kerjasama sehingga kertas projek ini siap. Maklumat-maklumat yang

## SINOPSIS

Isu kekurangan gunatenaga dan keperluannya dalam pertumbuhan ekonomi telah menjadi sebahagian tanggungjawab sosial kerajaan untuk menanganinya kepada semua sektor perekonomian negara tidak kira ianya kecil atau besar. Pekerja menjadi aset utama dalam semua sektor pekerjaan. Peningkatan atau penurunan prestasi produktiviti sesebuah industri adalah bergantung kepada pekerjanya. Jabatan Tenaga Rakyat yang terletak di bawah Kementerian Sumber Manusia ditubuhkan pada tahun 1969, adalah bertanggungjawab bagi mengendalikan urusan pendaftaran pekerjaan, kekosongan jawatan dan penempatan. Namun begitu, kegawatan ekonomi yang berlaku sedikit sebanyak memberi kesan kepada ekonomi negara. Kerajaan sangat sedar dan perihatin terhadap isu kegawatan ekonomi ini. Aktiviti ekonomi tertentu seperti pembinaan, atau pengeluaran produk atau perkhidmatan untuk kegunaan dalam negeri menjadi kurang cergas yang mengakibat penyusunan semula syarikat atau pengecilan pengeluaran. JTR dipertanggungjawabkan untuk membantu memaksimumkan penempatan semula pekerja yang diberhentikan. Malahan pelbagai program dan usaha dijalankan oleh JTR untuk melatih dan membantu setiap tenaga kerja menjadi pekerja yang mahir atau separuh mahir dalam pelbagai bidang. Peranan yang dimainkan serta perkhidmatan yang diberi kepada masyarakat walaupun kecil seperti anggapan sesetengah pihak, namun begitu, ia tetap menjadi salah satu faktor penyumbang yang utama dalam pembangunan masyarakat dan negara. JTR perlu menggorak langkah kehadapan dengan lebih agresif dan efektif dalam mengemas kini perkhidmatannya agar masyarakat lebih peka tentang peranan yang dimainkan.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>SINOPSIS (BAHASA MALAYSIA)</b>	<b>v</b>
<b>SINOPSIS (BAHASA INGGERIS)</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1. Pengenalan Dan Pernyataan Masalah	1
1.2. Objektif Kajian	4
1.3. Hipotesis	6
1.4. Metodologi	7
1.5. Skop Kajian	8

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1. Pengenalan Dan Pernyataan Masalah.**

Kegawatan ekonomi sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada suasana pertumbuhan ekonomi negara terutamanya disektor-sektor industri, kewangan dan sebagainya. Majikan terpaksa memberhentikan pekerja-pekerja akibat kerugian yang dialami ini mengakibatkan kadar pengangguran meningkat secara mendadak.

Krisis tenaga kerja semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini, pembayaran gaji yang rendah, kebajikan pekerja yang tidak dijaga dan pemberhentian pekerja secara beramai-ramai dalam sektor perindustrian jelas mengambarkan krisis gunatenaga berada ditahap membimbangkan. Buktinya, apabila 5000 pekerja kilang elektronik di Pulau Pinang